

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (92)

23 April 2026

PEKELILING PELAJAR BIL. 3/2026

PELAKSANAAN AKTIVITI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) SEPANJANG TEMPOH KAWALAN OPERASI KAMPUS BAGI MENANGANI KRISIS TENAGA GLOBAL

Seiring dengan pelaksanaan langkah kawalan operasi kampus UTM bagi menangani krisis tenaga global, semua pihak adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan mematuhi ketetapan berikut berkaitan penganjuran aktiviti pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2. Pelaksanaan aktiviti pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sepanjang tempoh kawalan operasi kampus bagi menangani krisis tenaga global dengan ini dipecahkan kepada dua (2) kategori seperti berikut :

A. AKTIVITI DALAM KAMPUS

- i) Sepanjang tempoh ini, semua aktiviti pelajar digalakkan dilaksanakan **di dalam kampus UTM sahaja**.
- ii) Penganjur adalah dikehendaki untuk :
 - (a) Menggunakan sepenuhnya kemudahan sedia ada universiti seperti dewan, bilik seminar dan ruang aktiviti yang telah disediakan ;
 - (b) Mengutamakan pendekatan pelaksanaan **aktiviti secara dalam talian atau hibrid (kehadiran fizikal pada tahap minimum)** bagi tujuan penjimatan tenaga dan pengoptimuman sumber ;
 - (c) Merancang pelaksanaan program secara teliti bagi mengoptimumkan penggunaan ruang dan sumber ; dan
 - (d) Mengelakkan sebarang pembaziran serta meningkatkan kecekapan pengurusan fasiliti universiti.
- iii) Bagi tujuan kawalan penggunaan tenaga, **penganjuran aktiviti pelajar pada hari Selasa dan Khamis adalah tidak dibenarkan**, kecuali dengan **kebenaran khas pihak universiti**.

B. AKTIVITI LUAR KAMPUS

- i) Sepanjang tempoh ini, aktiviti pelajar di luar kampus adalah **dibenarkan dengan pertimbangan khusus** seperti berikut :
 - (a) Program telah mendapat **kelulusan rasmi daripada pihak universiti** ;

- (b) Program berimpak tinggi selaras dengan **UTM ASCEND 2030**, yang memberi nilai strategik kepada pembangunan pelajar dan universiti serta disokong oleh **tajaan luar** ;
- (c) Penggunaan kenderaan rasmi universiti (**UTMFLEET**) dibawah pembiayaan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) adalah **terkawal** dan tertakluk kepada **kelulusan rasmi Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** ;
- (d) Program yang mempunyai **implikasi kewangan dan reputasi yang signifikan** kepada universiti sekiranya dibatalkan ; dan
- (e) Mendapat **kelulusan khas daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

3. Semua pihak adalah dimohon untuk mematuhi pekeliling ini bagi memastikan kelancaran pengurusan operasi kampus, penjimatan penggunaan tenaga serta kelestarian sumber universiti.

4. Kerjasama dan perhatian daripada semua pihak terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. TS. DR. ALTBIN SELAMAT)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Dekan-Dekan Fakulti